

# 'Laksana harga siling jika ayam terus mahal'

Teruskan skim musim perayaan demi kepentingan pengguna

**Butterworth:** Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan skim harga maksimum bagi ayam standard sekiranya masih berlaku kenaikan harga secara mendadak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (APDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan menetapkan harga siling bagi ayam standard sama seperti yang dilaksanakan ketika musim perayaan jika ada keperluan.

"Pagi tadi (semalam) saya melawat pasar berdekatan dan sempat berbual dengan peniaga ayam. Memang diakui ada kenaikan harga ayam hampir 40 peratus dan pihak kami juga ada menerima aduan daripada pengguna.

"Jadi, di pihak Kementerian, khususnya anggota penguat kuasa akan membuat pemantauan dengan peringat awal, kita beri amaran dulu dan beritahu jangannya jua pada harga yang begitu tinggi.

"Mereka (peniaga ayam) tidak ada ruang untuk mendapat keuntungan pun kerana harga yang dibekalkan kepada mereka tinggi," katanya Kementerian itu turut mendapat maklumat mungkin pihak pemborong dan penternak menaikkan harga ayam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke MSM Malaysia Holding Berhad, di sini semalam.

Difahamkan, ada peniaga yang



**Nanta (tengah) ketika melakukan lawatan ke MSM Malaysia Holdings Berhad, di Butterworth, semalam.**

## Anggota penguat kuasa akan membuat pemantauan dengan peringat awal, kita beri amaran dulu.

**Alexander Nanta Linggi,**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

menjual ayam antara RM10 dan RM11 sekilogram (kg), berbanding RM7.50kg ditetapkan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa, baru-baru ini.

Nanta berkata, buat masa ini pihaknya tidak meletakkan harga siling bagi ayam standard memandangkan musim perayaan sudah pun berakhir, namun memaklumkan perkara itu akan disiasat.

Sementara itu, Nanta turut me-

nasihatkan penternak supaya menjual ayam secara terus kepada peniaga bagi mengelak kenaikan harga haiwan ternakan itu secara mendadak.

"Kita dapati penternak menjual ayam kepada anak syarikat mereka atau pemborong dan dari sini mereka menaikkan harga.

"Penternak boleh jual secara terus kepada peniaga kecil untuk bantu mereka, jangan semua dijual kepada pemborong".  
BERNAMA